

Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah Dalam Bandar Di Daerah Kuantan, Pahang

Mohd Anuar Bin Abdul Rahman & Khamsawati Binti Jaafar
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Pentaksiran kerja kursus mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dilaksanakan sepanjang masa pengajaran dan pembelajaran di bawah sistem baru penilaian pendidikan iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan bentuk masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru KHB dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus. Sampel kajian terdiri daripada 70 orang guru-guru KHB sekolah menengah dalam bandar di daerah Kuantan, Pahang yang telah dilantik sebagai pentaksir. Instrumen kajian adalah soal selidik yang dibina berpandukan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB Kajian rintis telah dijalankan dan nilai kebolehpercayaan yang diperolehi adalah 0.89. Analisis data dibuat dengan menggunakan perisian SPSS versi 14.0 untuk mendapatkan nilai frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Penganalisaan data turut menggunakan kaedah statistik inferensi ujian-t. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru-guru KHB dalam melaksanakan kerja kursus KHB adalah tinggi manakala tahap kemahiran dan sikap guru pula adalah sederhana tinggi. Bentuk masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru KHB pula adalah berpunca dari diri guru sendiri yang tidak mempunyai masa mencukupi untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan pelaksanaan pentaksiran kerja kursus telah menambah beban tugas mereka. Dapatan kajian juga menunjukkan tiada perbezaan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap antara jantina dalam melaksanakan kerja kursus. Akhir sekali beberapa cadangan dikemukakan kepada pihak yang terlibat untuk penambahbaikan dan memastikan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran kerja kursus KHB.

Katakunci: Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Pengenalan

Bermula tahun 2007, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di bawah tanggungjawab Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah memperkenalkan system baru iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam menjalankan penilaian ke atas peningkatan pembelajaran pelajar. Sistem ini merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah dan ianya dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh LPM. PBS merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Penyataan Masalah

PBS adalah suatu sistem baru yang diperkenalkan oleh KPM dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2007. LPM (2007) dalam Mesyuarat Pemantapan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB 2007 menyatakan bahawa PBS adalah proses untuk mendapatkan maklumat diikuti dengan memberi nilai seterusnya proses membuat keputusan apa yang perlu dilakukan ke atas murid dalam pembelajaran mereka. Pelaksanaan ini dijalankan melalui evidens proses dan evidens produk.

Justeru itu, sebagai sesuatu yang baru, penyelidik ingin mengkaji sejauh manakah pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru KHB sebagai pentaksir menjalankan proses pentaksiran kerja kursus dalam sistem PBS yang baru diperkenalkan ini. Selain daripada itu penyelidik ingin mengetahui sejauh mana mereka faham dengan kriteria-kriteria yang terdapat di dalam Buku Panduan Pentaksiran Kerja

Kursus yang telah ditetapkan oleh LPM hendak ditafsir dan dinilai. Bagi tujuan ini, penyelidik akan menjalankan kajian ke atas guru-guru KHB di sekolah menengah dalam bandar di daerah Kuantan, Pahang.

Sehubungan dengan itu, guru sebagai pentaksir kerja kursus yang dilantik sewajarnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk melaksanakan PBS di sekolah masing-masing dengan jayanya. Para guru juga perlu benar-benar faham dengan konsep PBS kerana ia akan memberi keadilan kepada pelajar yang dinilai seterusnya menggambarkan kewibawaan sekolah sebagai salah satu institusi pendidikan negara. Oleh itu penyelidik merasakan kajian yang akan dijalankan adalah suatu yang wajar.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk :

- 1 Mengetahui tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru KHB dalam melaksanakan Kerja Kursus KHB.
- 2 Mengetahui bentuk masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru KHB semasa melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus.
- 3 Melihat perbezaan pengetahuan, kemahiran dan sikap antara guru-guru lelaki dan guru-guru perempuan terhadap Penilaian Kerja Kursus.

Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan hasil kajian ini dapat memberi panduan kepada beberapa pihak iaitu :

- i) KPM khususnya LPM dalam merangka bentuk PBS yang lebih sesuai dan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Kajian ini juga dapat memberi maklumat terkini mengenai tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB.
- ii) Jabatan Pelajaran Negeri Pahang (JPNP) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) agar pentaksiran kerja kursus KHB berjalan lancar mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh LPM.
- iii) Sekolah khususnya pihak pentadbir agar pentaksiran kerja kursus KHB diurus dan ditadbirkan secara terancang mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak LPM. Disamping itu, dapatan kajian ini dapat memberi penerangan kepada pihak sekolah mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru KHB dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB.
- iv) Guru KHB khususnya yang telah dilantik sebagai pentaksir kerja kursus bagi mengambil langkah-langkah yang positif seterusnya memotivasikan diri untuk mempertingkatkan kredibilitinya sebagai pentaksir kerja kursus KHB.

Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini berfokuskan kepada pelaksanaan pentaksiran kerja kursus KHB yang terdapat dalam sistem PBS oleh guru-guru KHB sekolah menengah dalam bandar di daerah Kuantan, Pahang. Penyelidik membataskan kajian kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam melaksanakan PBS. Kajian juga tertumpu kepada masalah utama yang dihadapi oleh guru KHB dari aspek pelajar, diri guru sendiri, pentadbir, masa dan kemudahan dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB. Bagi menjalankan kajian ini, instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang mana responden kajian adalah

terdiri daripada guru-guru KHB yang telah dilantik oleh pihak pengurusan sekolah sebagai pentaksir kerja kursus. Ketelusan dan ketepatan hasil kajian ini amat bergantung kepada keikhlasan dan kejujuran responden dalam menjawab soal selidik yang diedarkan.

Metodologi

Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan persampelan kelompok secara rawak mudah mengikut organisasi. Menurut Mohamad Najib (1999), persampelan kelompok dipilih berdasarkan kumpulan populasi seperti pilihan rawak mengikut tingkatan dalam sesebuah sekolah. Oleh itu persampelan dalam kajian ini adalah berdasarkan guru matapelajaran KHB dalam sekolah yang telah dipilih sebagai responden kajian.

Pemilihan sampel kajian adalah seramai 86 orang daripada keseluruhan jumlah populasi iaitu 110 orang guru KHB yang mengajar mata pelajaran KHB di sekolah menengah dalam bandar daerah Kuantan, Pahang. Sampel kajian ini berpandukan skala Krejcie dan Morgan (Chua, 2006). Berdasarkan pemilihan tersebut, adalah diharapkan kajian ini akan dapat menghasilkan keputusan yang baik dan menepati kehendak kajian. Jadual 3.1 adalah senarai sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik yang mana soalnya adalah berpandukan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Soal selidik digunakan kerana ia merupakan satu kaedah yang mudah ditadbir serta data mudah diproses untuk dianalisis (Mohd Najib, 1999). Satu set borang soal selidik digunakan dalam kajian ini dan telah diedarkan kepada guru-guru KHB yang terlibat secara langsung dalam PBS bagi mendapatkan maklum balas yang berkaitan dengan persoalan kajian.

Pemilihan soal selidik adalah bertujuan untuk mendapat maklumat berkaitan tahap pengetahuan, tahap kemahiran, sikap dan bentuk masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru KHB di sekolah menengah dalam bandar daerah Kuantan, Pahang dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB. Soal selidik juga dipilih kerana beberapa faktor, antaranya ia mudah ditadbir dan data dapat diperolehi dengan banyak. Selain daripada itu maklumat yang diperolehi daripada responden mudah dianalisis di samping menjimatkan masa dan tenaga. Responden juga mudah memberi kerjasama dan maklum balas terhadap aspek yang dikaji dan mereka bebas memilih jawapan tanpa rasa malu.

Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi lapan soalan berkaitan dengan maklumat responden. Bagi memudahkan responden menjawab bahagian ini, skala nominal digunakan. Responden boleh menjawab dengan menanda pada kotak pilihan jawapan. Manakala bahagian B pula mengandungi 42 item yang mewakili empat pembolehubah kajian yang terdiri daripada aspek yang berkaitan dengan tahap pengetahuan, tahap kemahiran, sikap dan bentuk masalah yang dihadapi guru-guru KHB sekolah menengah dalam bandar di daerah Kuantan, Pahang dalam melaksanakan entaksiran kerja kursus KHB.

Soal selidik yang digunakan merupakan soal selidik berstruktur iaitu skala lima mata yang menggunakan angka 1, 2, 3, 4 dan 5 untuk mewakili tahap persetujuan responden mengenai sesuatu pernyataan. Angka 1 mewakili Sangat Tidak Setuju (STS), angka 2 mewakili Tidak Setuju (TS), angka 3 mewakili Kurang Setuju (KS), angka 4 mewakili Setuju (S) dan angka 5 mewakili Sangat Setuju (SS). Skala Likert dipilih kerana ia mudah diurus dan diguna pakai serta item-itemnya mudah untuk dijawab oleh responden. Selain daripada itu data yang dipungut melalui Skala Likert mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Chua, 2006).

Responden dikehendaki menjawab dengan membulatkan satu sahaja skor bagi setiap item yang dikemukakan. Contohnya jika responden sangat setuju dengan kenyataan yang diberikan, mereka akan menanda dengan membulatkan skor 5. Jika responden sangat tidak setuju dengan kenyataan yang diberikan, mereka akan menanda dengan membulatkan skor 1.

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, satu kajian rintis telah dijalankan untuk tujuan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang telah dibina. Kajian rintis ini telah dijalankan ke atas 10 orang guru-guru KHB SMK Taman Johor Jaya 1, Johor Bahru dan mereka bukan merupakan subjek populasi kajian.

Data yang diperolehi telah dianalisis secara statistik dengan menggunakan Alpha Cronbach bagi menentukan kejelasan item dan tahap kebolehpercayaannya. Menurut Mohd Najib (1999) jika nilai Alpha melebihi 0.8 bermakna kebolehpercayaannya adalah tinggi.

Hasil analisis data daripada kajian rintis yang telah dibuat menunjukkan nilai Alpha Cronbach adalah 0.89 dan ini menunjukkan bahawa item-item soal selidik yang telah disediakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu item-item yang dibina boleh diterima dan diguna pakai dalam kajian sebenar.

Keputusan

Jadual 1: Tahap pengetahuan guru-guru KHB dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB

Bil	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min
		f	f	f	f	f	SP
		%	%	%	%	%	
1	Saya faham dengan jelas ke semua kriteria pemarkahan dalam pentaksiran kerja kursus.	-	-	6	44	20	4.20
		-	-	8.6	62.9	28.6	0.58
2	Saya memahami kandungan dokumen pentaksiran kerja kursus KHB.	-	-	6	41	28	4.24
		-	-	8.6	58.6	32.9	0.60
3	Pengetahuan saya tentang pentaksiran kerja kursus KHB meningkat setelah mendapat pendedahan tentang pelaksanaannya	-	-	1	38	31	4.43
		-	-	1.4	54.3	44.3	0.53
4	Saya mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menilai kerja kursus KHB.	-	1	17	40	12	3.90
		-	1.4	24.3	57.1	17.1	0.58
5	Saya mampu mengaplikasikan pengetahuan mereka cipta dalam menilai projek reka cipta pelajar.	-	5	18	35	12	3.77
		-	7.1	25.7	50.0	17.1	0.82
6	Saya sentiasa mendapat pengetahuan tambahan tentang KHB daripada JPN atau LPM.	2	3	18	32	15	3.79
		2.9	4.3	25.7	45.7	21.4	0.93
7	Saya mempunyai pengetahuan dalam aspek melakar reka bentuk	-	2	23	38	7	3.71
		-	2.9	32.9	54.3	10.0	0.68
8	Saya boleh mengukur, menanda dan memotong dengan tepat mengikut lakaran reka bentuk.	-	1	6	46	17	4.13
		-	1.4	8.6	65.7	24.3	0.61
9	Saya dapat memahami kriteria dalam menilai lukisan unjuran ortografik yang dihasilkan oleh	-	-	12	39	19	4.10
		-	-	17.1	55.7	27.1	0.66
10	Saya dapat memilih, mengguna dan menyelenggara alatan tangan dengan cara yang betul.	-	-	4	52	14	4.14
		-	-	5.7	74.3	20.0	0.49
Purata							4.04
							0.45

Jadual 2: Tahap kemahiran guru-guru KHB dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB

Bil	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	SP
		%	%	%	%	%	
11	Saya dapat menilai aspek penghasilan projek reka bentuk	-	-	8	52	10	4.03
		-	-	11.4	74.3	14.3	0.51
12	Saya dapat menilai penggunaan alatan tangan oleh pelajar dengan	-	-	3	49	18	4.21
		-	-	4.3	70.0	25.7	0.51
13	Saya dapat menilai pendokumentasian pelajar mengikut kriteria yang ditetapkan dalam dokumen pentaksiran KHB.	-	-	3	44	28	4.28
		-	-	4.3	62.9	32.8	0.54
14	Saya mahir dalam semua bidang KHB.	2	12	27	23	6	3.27
		2.9	17.1	38.6	32.9	8.6	0.95
15	Saya mahir dalam menilai lukisan skematik yang dihasilkan oleh pelajar dengan baik	1	9	13	33	10	3.60
		1.4	12.9	24.3	47.1	14.3	0.94
16	Saya dapat membantu pelajar dalam pengenalanpastian masalah projek reka cipta.	-	-	11	47	12	4.01
		-	-	15.7	67.1	17.1	0.58
17	Saya boleh menggunakan alatan lukisan teknik dengan baik.	2	1	22	25	20	3.86
		2.9	1.4	31.4	35.7	28.6	0.95
18	Saya dapat menerangkan kriteria pentaksiran kerja kursus kepada pelajar dengan baik.	-	-	8	43	19	4.16
		-	-	11.4	61.4	27.1	0.61
19	Saya dapat menguruskan bengkel dengan baik.	-	-	15	45	10	3.93
		-	-	21.4	64.3	14.3	0.59
20	Saya boleh menjalankan aktiviti tunjuk cara secara berkesan.	-	-	12	40	18	4.09
		-	-	17.1	57.1	25.7	0.65
Purata							3.96
							0.49

Perbincangan

Pengetahuan Guru-guru KHB Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.

Pengetahuan adalah salah satu faktor utama dalam menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Guru yang mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti seterusnya melahirkan pelajar yang cemerlang. Kajian oleh Crow & Crow (1980) dalam Chan Kwan Chow (2002) menyatakan guru yang mempunyai pengetahuan mendalam terhadap mata pelajaran yang diajar dapat membantu pelajar mereka memahami sesuatu konsep dengan mudah. Sehubungan dengan itu, guru yang berpengetahuan secara mendalam tentang matlamat

dan objektif Pentaksiran Berasaskan Sekolah mampu melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB dengan sempurna.

Dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB tahap pengetahuan guruguru KHB sekolah menengah bandar di daerah Kuantan, Pahang adalah tinggi. Pengetahuan yang tinggi ini menunjukkan bahawa mereka telah menguasai ilmu berkaitan penilaian dan pentaksiran kerja kursus seterusnya membolehkan mereka melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB dengan berkesan. Majoriti (91.5%) guru KHB amat memahami kandungan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB dan mereka turut mengakui mempunyai pengetahuan yang jelas berkaitan dengan criteria pemarkahan yang terdapat dalam Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Menurut Ee Ah Meng (1996), individu yang mempunyai pengetahuan mendalam dengan kata lain pengetahuan yang tinggi mempunyai 'kuasa kepakaran' atau mahir mengendalikan sesuatu. Oleh yang demikian, apabila guru mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang pentaksiran kerja kursus maka mereka akan melaksanakannya dengan lebih berkesan sejajar dengan kepakaran yang dimiliki. Ini seiring dengan pendapat Abu Bakar Nordin (1996) yang menyatakan bahawa para guru perlulah menguasai sesuatu ilmu sebelum dapat melaksanakannya dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, guru-guru KHB sewajarnya menguasai ilmu pengetahuan berkaitan dengan bidang kemahiran hidup bagi membolehkannya memahami secara mendalam Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus seterusnya melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB dengan berkesan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Nor Aini (2005) terhadap guru-guru KHB di bandar Muar yang menunjukkan tahap pengetahuan guru adalah pada kedudukan sederhana dalam melaksanakan penilaian kerja kursus pelajar Tingkatan Tiga.

Majoriti (78.6%) daripada guru-guru KHB memperolehi maklumat berkaitan pentaksiran kerja kursus melalui kursus yang telah mereka hadiri. Keadaan ini membantu meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman guru tentang pelaksanaan pentaksiran kerja kursus dan buktinya majoriti (98.6%) daripada mereka mengakui bahawa pengetahuan mereka meningkat setelah mendapat pendedahan tentang pelaksanaan pentaksiran kerja kursus melalui kursus yang dianjurkan oleh LPM dan JPN. Melalui kursus yang dihadiri, guru-guru KHB dapat memahami semua criteria pemarkahan yang telah ditetapkan dalam Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB dengan lebih jelas lagi. Ini selari dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Sana Salwa (2002), kebanyakan guru-guru KHB yang telah menghadiri kursus dan latihan dapat meningkatkan lagi penguasaan pengetahuan mereka terutamanya dalam menilai kerja kursus pelajar. Dapatan kajian ini turut disokong oleh Jalilah (2002) yang mendapati bahawa guru yang telah menjalani kursus berkaitan penilaian kerja kursus mempunyai kefahaman yang jelas tentang kriteria penilaian kerja kursus pelajar. Menurut Mohd Ishak (1985), guru-guru yang profesional seharusnya menjalani kursus bagi memperkayakan pengetahuan mereka dalam menghadapi perkembangan semasa yang mendadak dalam dunia pendidikan.

Majoriti (57.1%) guru KHB yang terlibat dalam kajian ini mengkhusus dalam bidang kemahiran hidup dan mereka juga berpengalaman mengajar mata pelajaran KHB melebihi tiga tahun (94.2%). Latar belakang pendidikan dan pengalaman dalam bidang KHB membuatkan tahap pengetahuan guru-guru KHB tinggi dalam aspek mengukur, menanda dan memotong dengan tepat mengikut lakaran reka bentuk dan dapat memahami kriteria dalam menilai lukisan unjuran ortografik. Selain daripada itu mereka juga berpengetahuan dalam memilih dan menyenggara alatan tangan. Justeru itu, pengetahuan dan pengalaman dalam mata pelajaran KHB membantu mereka memahami dengan lebih mendalam lagi kriteria-kriteria pemarkahan dalam pentaksiran kerja kursus KHB seterusnya mereka dapat melaksanakan proses pentaksiran kerja kursus KHB dengan lebih berkesan. Dapatan ini turut disokong oleh Jalilah (2002) yang menyatakan bahawa kefahaman guru yang tinggi terhadap kriteria penilaian kerja kursus bergantung kepada pengalaman guru dalam mengajar matapelajaran KHB.

Guru-guru KHB dalam kajian ini turut mengakui mereka mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menilai kerja kursus KHB (74.2%). Keadaan ini wujud kesan daripada pengalaman mengajar dan inisiatif

diri untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang kemahiran hidup. Di samping itu juga, majoriti (67.1%) guru-guru KHB mengakui mereka sentiasa mendapat pengetahuan tambahan tentang penilaian kerja kursus KHB daripada JPN atau LPM. Menurut Asmah (1989), seseorang guru perlu memperluaskan diri dengan pengetahuan yang mendalam berkaitan perkara yang hendak diajar supaya mereka mempunyai pengetahuan yang cukup untuk disebarkan kepada pelajarinya.

Kesimpulannya, majoriti guru KHB mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB. Mereka bukan sahaja tahu akan isi kandungan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus malah turut jelas dan faham dengan kehendak kriteria pemarkahan pentaksiran kerja kursus. Di samping itu guru-guru ini mampu mengaplikasikan pengetahuan reka cipta dan reka bentuk dalam menilai projek pelajar serta boleh menilai lukisan unjuran ortografik yang dihasilkan oleh pelajar dengan baik. Mereka juga dapat memilih, mengguna dan menyelenggara alatan tangan dengan cara yang betul. Justeru itu, dengan pengetahuan yang mereka miliki ini membolehkan pelaksanaan pentaksiran kerja kursus KHB dijalankan dengan jayanya.

Kemahiran Guru-guru KHB Dalam Melaksanakan Pentaksiran Kerja Kursus KHB.

Kemahiran merupakan unsur penting dalam kehidupan manusia. Ia merupakan kecekapan, kepandaian serta terlatih untuk mengerjakan sesuatu. Seorang guru perlulah memiliki kemahiran-kemahiran profesional untuk menjalankan tugasnya dengan sempurna serta cekap. Menurut Ee Ah Meng (1996), bagi menjalankan tugas dengan cekap, seseorang guru antara lainnya mesti mempunyai kemahiran keguruan seperti kemahiran belajar, merancang dan mengendalikan aktiviti. Sehubungan dengan itu, guru-guru KHB seharusnya memiliki kemahiran dalam semua bidang kemahiran hidup bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seterusnya dapat meningkatkan kualiti pentaksiran kerja kursus KHB.

Tahap kemahiran guru-guru KHB sekolah menengah dalam bandar di daerah Kuantan, Pahang dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB berada pada tahap sederhana tinggi. Ini kerana terdapat beberapa aspek kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru-guru KHB bagi menjayakan proses pentaksiran. Menurut Smith (1988), menekankan bahawa guru seharusnya faham dan mahir tentang isi kandungan mata pelajaran yang diajarnya supaya pengajaran guru menjadi lebih berkesan. Oleh itu, semua aspek kemahiran dalam kemahiran hidup perlu dikuasai oleh guru bagi menjamin kesempurnaan pelaksanaan pentaksiran kerja kursus KHB. Pendapat ini turut disokong oleh Sharifah Alwiah (1986) yang menegaskan bahawa guru mesti mempunyai kemahiran berkaitan bidang pengajarannya dan mahir membuat penilaian bagi membolehkannya mengesan tahap kebolehan pelajar. Oleh yang demikian, guru sebagai pentaksir kerja kursus KHB sewajarnya meningkatkan kemahiran mereka ke tahap yang lebih tinggi supaya proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar seterusnya objektif dan matlamat pentaksiran kerja kursus dapat dicapai.

Majoriti (95.7%) guru KHB dalam kajian ini mengakui bahawa mereka mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menilai pendokumentasian pelajar mengikut kriteria yang telah ditetapkan dalam Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus KHB. Kemahiran menilai yang ada pada guru-guru ini adalah disebabkan oleh syarat LPM yang menetapkan bahawa guru-guru yang menjadi pentaksir kerja kursus KHB mestilah terlatih dan merupakan guru opsyen KHB manakala guru yang bukan opsyen mestilah berpengalaman mengajar mata pelajaran KHB sekurang-kurangnya 3 tahun (LPM, 2007). Ini selaras dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa majoriti guru (58.6%) adalah guru opsyen KHB manakala dari segi pengalaman mengajar pula majoriti guru (94.2%) mempunyai pengalaman mengajar lebih dari tiga tahun dan mempunyai pengalaman sebagai penilai kerja kursus diperingkat PMR (84.9%). Secara ringkasnya dengan kemahiran sedia ada telah membantu keberkesanan dan kelancaran pelaksanaan pentaksiran kerja kursus KHB. Ini disokong oleh kajian yang telah dibuat oleh Jalilah (2002) yang mendapati guru-guru

KHB mempunyai pengalaman mengajar lebih dari empat tahun mahir dan faham terhadap kriteria penilaian kerja kursus KHB.

Guru-guru KHB (95.7%) dalam kajian ini juga mengakui bahawa mereka berkemahiran dalam menilai penggunaan alatan tangan oleh pelajar. Dapatan ini disokong oleh kajian yang telah dibuat Azlan (2003) dan Nor Aini (2005) yang mendapati guru-guru KHB mahir dalam penggunaan alatan tangan dan mesin. Selain daripada itu guru-guru KHB (88.6%) mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menilai aspek penghasilan projek reka bentuk dan mereka juga membantu pelajar mengenal pasti masalah dalam menghasilkan projek reka cipta. Walaupun bidang reka cipta baru diperkenalkan pada tahun 2003, guru mempunyai kemahiran dalam menilai dan mentaksir kerja kursus pelajar kerana telah didedahkan melalui kursus-kursus kemahiran reka cipta dan pentaksiran kerja kursus anjuran LPM dan JPN. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Syamsul Nazman (2002) yang mendapati bahawa guru yang menguasai kemahiran reka cipta mampu membuat penilaian dengan baik. Menurut Atan Long (1993), keberkesanan pengajaran seseorang guru adalah terletak kepada kemampuannya menguasai kemahiran yang berkaitan dengan pengajarannya.

Majoriti (82.8%) guru KHB turut mengakui bahawa mereka mempunyai kemahiran menjalankan aktiviti tunjuk cara dengan baik semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga dapat menerangkan kriteria pentaksiran kerja kursus dengan jelas kepada pelajar. Berdasarkan kemahiran yang dimiliki ini, sudah tentu guru-guru KHB dapat melaksanakan dengan teliti proses pentaksiran kerja kursus semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berjalan. Dapatan kajian ini disokong oleh dapatan kajian yang telah dibuat oleh Ramlah (1993) bahawa guru-guru KHB mengakui penguasaan kaedah tunjuk cara lebih memberi kesan kepada pelajar. Ini selaras dengan pandangan Sharifah Alwiah (1986) yang menyatakan bahawa seseorang guru perlu mahir dengan kaedah tunjuk cara agar isi pelajaran dan kemahiran yang disampaikan dapat difahami oleh pelajar seterusnya membantu guru untuk menerangkan dengan jelas kriteria pemarkahan pentaksiran kerja kursus kepada pelajar.

Guru-guru KHB (78.6%) dalam kajian ini turut menyatakan bahawa mereka dapat menguruskan bengkel dengan baik kerana majoriti (94.2%) daripada mereka berpengalaman mengajar KHB lebih daripada tiga tahun dan kerja-kerja pengurusan bengkel telah menjadi rutin harian menyebabkan kemahiran pengurusan bengkel mereka bertambah baik. Dapatan ini menunjukkan persamaan dengan kajian yang telah dibuat oleh Zaini (2002) yang mendapati guru-guru KHB mempunyai kemahiran dalam mengurus bengkel. Kemahiran guru KHB dalam menguruskan bengkel telah membantu mereka mengendalikan pentaksiran kerja kursus KHB dengan lebih terancang dan sistematik.

Secara keseluruhannya tahap kemahiran guru dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB adalah sederhana tinggi. Namun demikian dapatan kajian menunjukkan majoriti (51.6%) guru mengakui bahawa mereka kurang mahir dalam semua bidang kemahiran hidup. Kekurangan kemahiran dalam semua bidang KH akan menjejaskan pengajaran guru dan secara tidak langsung akan menjejaskan pelaksanaan pentaksiran kerja kursus. Sehubungan dengan itu guru-guru KHB perlu meningkatkan kemahiran mereka dalam semua bidang KHB agar matlamat pelaksanaan pentaksiran kerja kursus KHB yang merupakan perubahan baru dalam sistem penilaian pendidikan tercapai.

Rumusan

Hasil dapatan kajian secara keseluruhannya memperlihatkan bahawa guru-guru KHB sekolah menengah dalam bandar di daerah Kuantan, Pahang telah melaksanakan pentaksiran kerja kursus KHB dengan baik. Berdasarkan tahap pengetahuan yang tinggi dengan kemahiran yang dimiliki ditambah pula dengan sikap yang positif membantu keberkesanan pelaksanaan pentaksiran kerja kursus. Para guru sewajarnya tidak menganggap masalah yang timbul dalam melaksanakan pentaksiran kerja kursus sebagai halangan untuk menjayakannya. Seharusnya bagi menjayakan lagi pengendalian pentaksiran kerja kursus KHB, para guru

perlu mengambil inisiatif dan merebut peluang yang ada untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada dengan menghadiri kursus-kursus atau seminar yang dianjurkan oleh KPM, JPN, PPD atau pihak swasta. Peranan semua warga pendidikan amat penting dalam mengendalikan dan menyeragamkan pelaksanaan pentaksiran kerja kursus agar mencapai matlamat yang disasarkan oleh KPM dalam usaha melahirkan generasi yang berteknologi tinggi dan berdaya saing dalam dunia globalisasi. Sehubungan dengan itu semua pihak yang terlibat dengan bidang pendidikan perlu mengadakan kerjasama yang erat agar pelaksanaan PBS dapat membawa kecemerlangan dan kemajuan dalam dunia pendidikan negara.